S & P Food Industries (M) Bhd lwn Razalli bin Shamsuddin dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO MT1–22–1116 TAHUN 1999
SURIYADI H
28 OKTOBER 2004

Acara Sivil — Rayuan — Masa — Rayuan di luar had masa — Sama ada kelewatan memfailkan rayuan kerana tiada penghantaran dokumen oleh peguam cara terdahulu kepada yang terkini adalah situasi khas

Acara Sivil — Rayuan — Masa — Penyerahan notis rayuan di luar jangka masa — Sama ada kelewatan penyerahan notis rayuan kerana percubaan untuk penyelesaian dapat diterima

Ini adalah suatu rayuan oleh pihak defendan terhadap keputusan pendaftar yang diberikan pada 22 Mei 2003 yang telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus di bawah A 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') terhadap defendan. Defendan hanya memfailkan notis rayuan pada 18 Jun 2003. Maka defendan memfailkan permohonan memohon kebenaran dari mahkamah untuk memfailkan penerimaan masuk ke dalam rekod mahkamah dan menyerahkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar di luar jangka masa (kelewatan dua minggu) yang ditetapkan dari tarikh penghakiman di bawah A 14 KMT itu atas alasan-alasan *inter alia*: (1) Kelewatan pemfailan notis rayuan selama dua minggu ini adalah tidak disengajakan, tetapi merupakan kelewatan administratif disebabkan tiada penghantaran dokumen-dokumen kausa oleh peguam cara terdahulu kepada peguam cara terkini defendan dan peguam cara defendan terpaksa membuat carian yang hanya dapat dilakukan pada permulaan Jun 2003; dan (2) Kelewatan penyerahan (lebih dari satu tahun) berlaku kerana defendan telah cuba untuk menyelesaikan pertikaian ini dengan plaintif secara 'amicable', di mana defendan telah mengarahkan peguam caranya untuk menangguhkan sebarang tindakan dan/atau penyerahan dengan harapan penyelesaian berjaya dicapai. Plaintif sebaliknya telah menidakkan dan menafikan dakwaan defendan tersebut dan berhujah terdapat kelewatan yang melampau dan tidak munasabah oleh defendan-defendan.

Diputuskan, menolak permohonan defendan dengan kos:

(1) Dakwaan defendan bahawa kelewatan memfailkan permohonan untuk perlanjutan masa adalah disebabkan oleh adanya kelewatan administratif tidak dapat diterima dan tidak munasabah. Ketiadaan dokumen-dokumen kausa dalam tangan defendan-defendan, ketiadaan penghantaran dan keperluan masa untuk membuat carian adalah suatu pemikiran semula

dan dakwaan kosong semata-mata. Alasan-alasan ini bukanlah satu alasan yang mencukupi dan munasabah untuk menjustifikasikan kelewatan dalam memfailkan dan menyerahkan notis rayuan tersebut (lihat perenggan 15).

(2) Defendan enggan mengakui kesilapannya, dan di sebaliknya memberi alasan yang kurang munasabah, sifat keengganan akur kepada kesilapan sendiri tidak akan mendapat simpati mahkamah (lihat perenggan 16).

(3) Dakwaan pihak defendan mengenai kelewatan ini juga disebabkan adanya perbincangan untuk penyelesaian tidak dapat diterima. Pihak defendan telah gagal mengemukakan sebarang bukti kepada mahkamah untuk menyokong dakwaan ini (lihat perenggan 17).

(4) Pihak defendan telah gagal membuktikan kepada mahkamah bahawa defendan-defendan mempunyai situasi khas bagi tujuan permohonan mereka (lihat perenggan 23).

[**English summary**

This was an appeal by the defendant against the decision of the registrar on 22 May 2003 allowing the plaintiff's application to enter summary judgment under O 14 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') against the defendant. The defendant only filed a notice of appeal on 18 June 2003. Hence, the defendant filed an application to pray grant be given by the court to file notice of acceptance in the court's record and serve the notice of appeal to the judge in chambers out of time (delay of two weeks) which was determined from the date of judgment under O 14 of the RHC based on the reasons, *inter alia*: (1) The delay of two weeks in filing the notice of appeal was unintentional, but was an administrative delay for not serving the cause papers of the previous counsel to the current solicitor of the defendant and the defendant's solicitor had to make a search which was only carried out in early June 2003; and (2) The delay in service (more than one year) occurred because the defendant had tried to settle the dispute with the plaintiff amicably, whereby the defendant had instructed his solicitor to delay any action and/or service with the hope the settlement will be successfully achieved. The plaintiff instead had denied the defendant's allegation and submitted that there was an excessive and unreasonable delay on the defendant's part.

Held, dismissing the defendant's application with cost:

(1) The defendant's allegation that the delay to file the application for extension of time was due to administrative delay was not acceptable and unreasonable. The absence of cause papers in the hands of the defendants, non service and time needed to make a search was an afterthought and a baseless allegation. These reasons were not sufficient

and reasonable to justify the delay on filing and serving the notice of appeal (see para 15).

(2) The defendant refused to admit his mistake, and instead gave an unreasonable excuse, this refusal to admit one's own mistake would not receive sympathy from the court (see para 16).

(3) The defendant's allegation regarding the delay due to the settlement negotiation that was not acceptable. The defendant had failed to produce any evidence before the court to support the allegation (see para 17).

(4) The defendant failed to prove to the court that they had special circumstances for purpose of their application (see para 23).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai masa dalam rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 1237–1258.

Kes-kes dirujuk

Abdul Jamil Bin Abdul Mutalib v Darshan Singh Khaira [1993] 3 MLJ 187 (dirujuk)
Cheah Teong Tat v Ho Gee Seng & Ors [1974] 1 MLJ 31 (dirujuk)
Gurbachan Singh v Seagrott & Campbell (No 2) [1962] MLJ 370 (dirujuk)
Hau Khee Wee & Anor v Chua Kian Tong & Anor [1986] SLR 484; [1987] 2 MLJ 146 (dirujuk)
Liew Chee Tat v Lok Moon & Ors [1972] 2 MLJ 29 (dirujuk)
Ling Siok Seng v Ting Sieh Chung [1998] 4 MLJ 65 (dirujuk)
Pearson v Chen Wen Edwin [1991] SLR 218; [1991] 3 MLJ 211 (dirujuk)
Ratnam v Cumarasamy [1965] 1 MLJ 228 (dirujuk)

Undang-undang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14, 56, k 1,(3)

T Kumar (T Kumar & Partners) bagi pihak perayu defendan.
KS Ong (KS Ong & Co) bagi pihak responden plaintif.

Suriyadi J:

[1] Ini adalah suatu rayuan oleh pihak defendan terhadap keputusan pendaftar yang diberikan pada 22 Mei 2003 yang telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus di bawah A 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terhadap defendan. Fakta kes secara ringkas adalah seperti berikut. Permohonan plaintif seperti di lampiran 9 adalah untuk memasukkan penghakiman terus bagi jumlah RM8 juta berdasarkan satu perjanjian jual beli pada 15 Oktober 1997. Melalui perjanjian ini, defendan-defendan bersetuju untuk menjual kepada plaintif kesemua

100% modal saham terbayar dalam syarikat Maxeus Development Sdn Bhd untuk harga belian sebanyak RM17,500,000 dan plaintif telah membayar jumlah sebanyak RM8 juta kepada defendan-defendan sebagai deposit terhadap pembayaran pendahuluan harga belian tersebut. Perjanjian ini adalah tertakluk kepada kelulusan dari Jawatankuasa Pelaburan Asing. Tarikh kelulusan ialah tiga bulan dari tarikh perjanjian dan boleh dilanjutkan selama sebulan lagi. Pada 27 Disember 1997 Jawatankuasa Pelaburan Asing memaklumkan bahawa kelulusan itu ditangguhkan. Dari tempoh masa yang ditetapkan tiada kelulusan telah diperoleh. Pada 20 April 1998, peguam cara plaintif telah memaklumkan bahawa perjanjian itu ditamatkan dan menuntut kembali wangnya. Beliau mengatakan bahawa perjanjian adalah tertakluk kepada kelulusan dan apabila tiada kelulusan telah diperoleh dalam tempoh yang dikehendaki, maka ia berhak menamatkan perjanjian tersebut. Dengan itu defendan tidak mempunyai hak untuk menolak pengembalian wang tersebut. Pendaftar telah pada 22 Mei 2003 membenarkan permohonan plaintif dengan kos.

[2] Defendan telah pada 18 Jun 2003, memfailkan notis rayuan bagi tujuan untuk merayu terhadap keputusan pendaftar yang diberikan pada 22 Mei 2003. Defendan memohon agar rayuan pihak defendan-defendan dibenarkan dan perintah bahawa permohonan plaintif di bawah A 14 KMT ditolak dengan kos dan defendan-defendan diberi kebenaran untuk membela dan kes seterusnya dibicarakan di mahkamah terbuka. Setelah mendengar rayuan ini pada 28Oktober 2004, saya telah menolak permohonan defendan yang memohon kebenaran dari mahkamah untuk memfailkan dan menyerahkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar di luar jangka masa yang ditetapkan dari tarikh penghakiman di bawah A 14 KMT itu. Ini melalui saman dalam kamar bertarikh 23 Ogos 2004 di lampiran 23.

ISU PERTAMA: KETIADAAN DOKUMEN-DOKUMEN KAUSA

[3] Merujuk kepada afidavit sokongan defendan-defendan oleh Razalli bin Shamsuddin (lampiran 22) yang diikrarkan serta difailkan pada 28 Ogos 2004 perayu defendan memohon untuk perlanjutan masa bagi pemfailan notis rayuan dan penerimaan masuk notis rayuan itu ke dalam rekod mahkamah. Perayu defendan telah pada 18 Jun 2003 memfailkan notis rayuan bagi tujuan merayu terhadap keputusan pendaftar yang diberikan pada 22 Mei 2003. Terdapat kelewatan memfailkan notis rayuan tersebut selama dua minggu disebabkan ketiadaan dokumen-dokumen kausa dalam tangan defendan-defendan.

[4] Menurut perayu defendan peguam cara defendan telah menulis surat bertarikh 22 Mei 2003 kepada mereka, yang dieksibitkan sebagai RS–1. Surat tersebut memaklumkan bahawa pendaftar telah membenarkan permohonan plaintif untuk mendapat penghakiman terus. Dalam surat yang sama, peguam

A cara defendan juga telah memaklumkan bahawa dia tidak dapat membela defendan-defendan lagi. Menurut perayu defendan mereka menerima surat tersebut pada 27 Mei 2003 dan/atau 28 Mei 2003.

[5] Disebabkan kelewatan itu, defendan-defendan telah dengan segera
B cuba menghubungi peguam lain. Defendan-defendan dapat memujuk peguam cara mereka yang terkini untuk mengambil alih kes tersebut tetapi proses mencari peguam lain juga telah mengambil masa, dan pelantikannya adalah pada 2 Jun 2003. Peguam cara terkini defendan telah berhubung dengan peguam cara yang terdahulu untuk mendapatkan dokumen-dokumen kausa,
C namun peguam cara yang terdahulu telah gagal dan/atau enggan menghantar dokumen-dokumen kausa kepada peguam cara terkini defendan. Oleh itu, peguam cara defendan telah membuat carian di mahkamah yang hanya dapat dilakukan pada permulaan Jun 2003. Peguam cara terkini defendan tidak boleh mengambil alih kes tanpa arahan dan dokumen-dokumen yang perlu.
D Kesemua dokumen defendan berada dalam posesi peguam cara defendan yang terdahulu.

[6] Selepas carian dibuat dan setelah membaca kesemua dokumen peguam cara defendan telah memfailkan notis rayuan itu yang memohon supaya rayuan ini dapat didengar. Alasan defendan adalah bahawa kelewatan pemfailan notis
E rayuan selama dua minggu ini adalah tidak disengajakan, tetapi merupakan kelewatan administratif (administrative delay), disebabkan tiada penghantaran dokumen-dokumen kausa.

ISU KEDUA: PENYELESAIAN

F

[7] Kelewatan penyerahan juga berlaku kerana defendan telah cuba untuk menyelesaikan pertikaian ini dengan plaintif secara 'amicable', di mana defendan telah mengarahkan peguam caranya untuk menangguhkan sebarang tindakan dan/atau penyerahan dengan harapan penyelesaian berjaya dicapai. Plaintif di
G sebaliknya telah menidakkan dan menafikan dakwaan defendan tersebut, seperti dalam afidavit Tang Koon Fook yang telah diikrarkan dan difailkan pada 26 Oktober 2004 di lampiran 25. Merujuk perenggan 11 lampiran 25, plaintif menyatakan bahawa tidak ada percubaan oleh defendan-defendan untuk menyelesaikan pertikaian ini dengan plaintif secara 'amicable'. Plaintif juga telah berhujah di mahkamah terbuka bahawa defendan tidak membuktikan
H bahawa adanya percubaan penyelesaian dibuat. Defendan juga tidak menjawab kepada penyataan plaintif di perenggan 11 dan tidak juga hadir untuk berbincang dengan pihak plaintif.

[8] Defendan menyatakan bahawa notis rayuan yang difailkan olehnya
I hanya dapat dikeluarkan dari mahkamah pada 31 Julai 2003. Kemudian tarikh bicara notis rayuan ini telah ditetapkan pada 16 Jun 2004. Namun menurut pihak plaintif di dalam afidavit jawapannya (lampiran 25), notis rayuan termeterai

hanya diserahkan kepada peguam cara plaintif pada 20 Ogos 2004 sedangkan ianya difailkan pada 18 Jun 2003 iaitu lebih dari satu tahun sebelum diserahkan. Plaintif juga berhujah bahawa terdapat satu kelewatan yang melampau dan tidak munasabah oleh defendan-defendan dalam memfailkan permohonan mereka untuk memohon perlanjutan masa. Permohonan ini telah difailkan pada 23 Ogos 2004 iaitu lebih kurang satu tahun enam puluh enam hari selepas pemfailan notis rayuan tersebut. Kelewatan ini amat memprejudiskan plaintif dan tidak ada keterangan bagi menerangkan kelewatan ini sama sekali.

[9] Plaintif juga menyatakan bahawa memandangkan tidak ada notis rayuan diserahkan kepada plaintif ataupun peguam caranya sebelum 20 Ogos 2004 plaintif telah dengan munasabahnya beranggapan bahawa defendan-defendan telah memutuskan untuk tidak merayu terhadap penghakiman yang telah dibuat pada 22 Mei 2003. Dengan hal yang demikian, plaintif telah mengarahkan peguam caranya untuk memulakan suatu presiding kebankrapan terhadap defendan-defendan melalui tindakan Kebankrapan No 29–931 tahun 2004 diMahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor yang mana ianya telah dimulakan sejak 8 Mac 2004. Dengan itu plaintif menyatakan bahawa untuk membenarkan permohonan defendan pada tahap ini akan menyebabkan suatu ketidakadilan yang ketara terhadap plaintif. Ini kerana kelewatan memfailkan dan menyerahkan notis rayuan tersebut adalah berpunca dari defendan-defendan sendiri memandangkan defendan-defendan mempunyai pengetahuan penuh mengenai jangka masa yang diperuntukkan untuk memfailkan dan menyerahkan notis rayuan tersebut, akan tetapi tidak mematuhinya. plaintif juga telah berhujah bahawa jumlah penghakiman sebanyak RM8 juta bukanlah faktor utama yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah.

[10] Menyentuh tentang bantahan pihak plaintif ini, Selventhiranathan PK, di dalam kes *Abdul Jamil Bin Abdul Mutalib v Darshan Singh Khaira* [1993] 3 MLJ 187, telah memutuskan bahawa walaupun rayuan melalui saman telah difailkan dalam tempoh 14 hari di Mahkamah Tinggi, ianya tidak dibawa dengan sempurna kerana notis rayuan itu telah tidak disampaikan dalam tempoh itu. Di dalam kes *Gurbachan Singh v Seagrott & Campbell (No 2)* [1962] MLJ 370, Thomson CJ Mahkamah Rayuan (pada masa itu) telah memutuskan bahawa sesuatu rayuan hanya boleh dikatakan 'dibawa' apabila notis rayuan disampaikan kepada responden. Oleh kerana ini tidak dilakukan dalam satu bulan (dalam kes itu) dari tarikh keputusan maka rayuan itu adalah di luar masa dan bantahan permulaan hendaklah dibenarkan dan rayuan dibatalkan dengan kos.

[11] Di sini pihak perayu defendan telah memberikan balasan terhadap penyataan-penyataan plaintif tersebut dengan merujuk kepada afidavit defendan di lampiran 26 yang diikrarkan dan difailkan pada 27 Oktober 2004. Merujuk kepada afidavit defendan (lampiran 26) di perenggan 6, notis rayuannya yang difailkan pada 18 Jun 2003 hanya dapat dikeluarkan dari mahkamah pada

31 Julai 2003. Tarikh bicara untuk rayuan ini telah ditetapkan pada 16 Jun 2004. Namun defendan telah memaklumkan kepada peguam caranya supaya tidak menghantar notis rayuan kepada plaintif, kerana pihak defendan percaya mereka dapat menyelesaikan pertikaian ini, dan defendan dalam pengetahuan tentang tempoh penyerahan notis rayuan kepada pihak penentang (plaintif) setelah dimaklumkan oleh peguam caranya. Dari sudut U2 keperluan jangka masa adalah seperti berikut:

> (sekurang-kurangnya dua hari sebelum tarikh bicara iaitu pada atau sebelum 13 Jun 2004)
>
> Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mahkamah, notis itu mestiah dikeluarkan dalam masa lima hari selepas penghakiman, perintah atau keputusan yang rayuan dibuat terhadapnya itu telah diberi atau dibuat dan disampaikan tidak kurang dari dua hari genap sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran rayuan itu. (A 56 k 1 sub-s (3) KMT.)

[12] Seterusnya di perenggan 11 lampiran 26, defendan menyatakan bahawa pada 7 Mei 2004 pihak plaintif telah mengambil tindakan kebankrapan terhadap defendan. Dengan itu defendan telah memfailkan afidavit jawapan yang diikrarkan dan difailkan pada 14 Mei 2004, bagi tujuan membela diri dalam tindakan kebankrapan ini. Defendan telah memaklumkan kepada plaintif bahawa notis kebankrapan seperti di dalam tindakan kebankrapan tersebut wajar diketepikan kerana terdapatnya rayuan yang telah difailkan terhadap keputusan penghakiman terus.

[13] Menurut defendan di perenggan 15 lampiran 26, pada hari perbicaraan iaitu 16 Jun 2004, defendan telah mengambil satu langkah lanjutan untuk berbincang dengan plaintif dan juga menyerahkan notis rayuan supaya rayuan boleh didengar dengan adil. Seterusnya, di perenggan 18 lampiran 26, defendan memohon agar mahkamah dapat memberi peluang untuk rayuan defendan ini didengar kerana ia adalah bermerit. Defendan menyatakan bahawa kelewatan menyerahkan notis rayuan tersebut adalah dari 13 Jun 2004 sehingga 19 Ogos 2004 iaitu lebih kurang dua bulan sahaja. Tambahan rayuan tersebut masih belum didengar. Kelewatan defendan adalah berniat baik untuk menyelesaikan sahaja perkara ini kerana kedua-dua pihak tahu bahawa defendan tidak boleh dipersalahkan. Defendan juga menyatakan bahawa plaintif telah mengambil kesempatan ke atas niat baik defendan dengan membantah atas kelewatan yang disebabkan mahu mencari penyelesaian, plaintif di sebaliknya semasa perbincangan telah meneruskan tindakan yang menekan kedudukan defendan.

[14] Merujuk perenggan 22, lampiran 26, defendan menyatakan bahawa defendan terpaksa memfailkan permohonan ini kerana telah tersalah anggap bahawa penyelesaian boleh dicapai. Seterusnya defendan telah merujuk kepada perenggan 6 afidavit plaintif di lampiran 25, di mana defendan menafikan penyataan plaintif yang menganggap tiada rayuan dibuat, sedangkan di dalam

afidavit defendan bertarikh 14 Mei 2004 plaintif telah dimaklumkan dengan jelas berkenaan rayuan tersebut.

[15] Setelah mengkaji keseluruhan kes ini, saya tidak dapat menerima alasan-alasan yang telah dikemukakan oleh defendan dalam afidavit-afidavitnya. Dakwaan defendan bahawa kelewatan memfailkan permohonan untuk perlanjutan masa adalah disebabkan oleh adanya kelewatan administratif ('administrative delay') ini tidak dapat diterima dan tidak munasabah. Ketiadaan dokumen-dokumen kausa dalam tangan defendan-defendan, ketiadaan penghantaran dan keperluan masa untuk membuat carian adalah suatu pemikiran semula ('an afterthought') dan dakwaan kosong semata-mata. Alasan-alasan ini bukanlah satu alasan yang mencukupi dan munasabah untuk menjustifikasikan kelewatan dalam memfailkan dan menyerahkan notis rayuan tersebut. Dari segi fakta kelewatan memfailkan dan menyerahkan notis rayuan tersebut adalah berpunca dari defendan-defendan sendiri memandangkan defendan-defendan mempunyai pengetahuan penuh mengenai jangka masa yang diperuntukkan oleh undang-undang.

[16] Juga, adalah jelas pihak defendan enggan mengakui kesilapannya, dan di sebaliknya memberi alasan yang kurang munasabah, sifat keengganan akur kepada kesilapan sendiri tidak akan mendapat simpati mahkamah. Di dalam kes *Liew Chee Tat v Lok Moon & Ors* [1972] 2 MLJ 29, Sharma J berkaitan dengan isu ini, telah menyatakan bahawa:

> The learned counsel seems to insist upon the correctness and the firmness of his stand and seems to have thrown away the scabbard. The courts generally are disinclined to exercise their discretion in favor of a party that is reluctant to own a mistake.

[17] Seterusnya, dakwaan pihak defendan mengenai kelewatan ini juga disebabkan adanya perbincangan untuk penyelesaian tidak dapat diterima. Saya mendapati bahawa pihak defendan telah gagal mengemukakan sebarang bukti kepada mahkamah untuk menyokong dakwaan ini. Tidak terdapat sebarang alasan atau bukti yang kukuh bagi membuktikan adanya percubaan penyelesaian tersebut dibuat.

[18] Harus ditekankan mahkamah memerlukan pihak perayu untuk mengemukakan bukti yang kukuh dan mencukupi sebelum budi bicara diguna pakai untuk membenarkan perlanjutan masa itu. Merujuk kepada kes *Ling Siok Seng v Ting Sieh Chung* [1998] 4 MLJ 65, Ahmad Fairuz CJA semasa membatalkan rayuan telah berkata: 'There is, therefore, no evidential material on the reasons for non-service of the notice of appeal and the delay in making the application. These factors were considered by us when exercising the discretion to grant or not the application for the extension of time.'

[19] Manakala di dalam kes *Cheah Teong Tat v Ho Gee Seng & Ors* [1974] 1 MLJ 31, Syed Agil Barakbah J telah menyatakan:

A As the applicant had shown no special circumstances upon which the court could exercise its discretion to extend or enlarge the time to file notice of appeal the application must be dismissed. After all the case had been fully heard on merits in the court below and the presumption in this court is that until the contrary is shown, the decision of that court is correct it was the mistake of the applicant for not filing the notice of appeal within time,'

B Syed Agil Barakbah J juga telah turut mendefinasikan situasi khas seperti berikut:

special circumstances, to my mind, include instances where the applicant has been misled by the other side or where to me mistake has been made in the registry C itself and he was misled by an officer of the court or where delay in filling notice has been caused by unforeseen circumstances like sudden death or inevitable accident or sudden serious illness or something of that kind which reasonably account for the delay.

[20] Menyentuh persoalan budi bicara dalam membenarkan perlanjutan D masa saya merujuk kepada beberapa kes, seperti *Ratnam v Cumarasamy* [1965] 1 MLJ 228. Di dalam kes ini Lord Guest telah memutuskan bahawa:

The rules of court must *prima facie* be obeyed, and in order to justify a court in extending time during which some step in procedure requires to be taken, there must be some material upon which the court can exercise its discretion, If the law E were otherwise, a party in breach would have an unqualified right to an extension of time which would defeat the purpose of the rules which is to provide a timetable for the conduct of litigation.

[21] Di dalam kes *Hau Khee Wee & Anor v Chua Kian Tong & Anor* [1986] F SLR 484; [1987] 2 MLJ 146, Chan Sek Keong JC juga telah memberi garis panduan dan faktor-faktor yang perlu dititikberatkan sebelum kebenaran perlanjutan masa untuk memfailkan notis rayuan dibenarkan. Faktor-faktor itu adalah seperti berikut:

(i) tempoh atau jangkamasa kelewatan;

G (ii) alasan kelewatan;

(iii) peluang untuk rayuan itu berjaya sekiranya masa untuk membuat rayuan dilanjutkan; dan

(iv) sama ada responden diprejudis jika permohonan dibenarkan.

H **[22]** Garis panduan dan faktor-faktor ini juga telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Pearson v Chen Wen Edwin* [1991] SLR 218; [1991] 3 MLJ 211.

[23] Berdasarkan prinsip-prinsip serta faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas, saya mendapati pihak defendan telah gagal membuktikan kepada I mahkamah bahawa defendan-defendan mempunyai situasi khas ('special circumstances') bagi tujuan permohonan mereka ini. Tiada alasan yang mencukupi dan kukuh di sini bagi membenarkan perlanjutan masa untuk

memfailkan dan menyerahkan notis rayuan di luar jangka masa, Dengan itu saya telah menolak permohonan defendan-defendan di lampiran 23 dengan kos.

Permohonan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh AG Kalidas

A B C D E F G H I